

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
[ BAGAN DATUK ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 24**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah pemilikan ekuiti korporat Bumiputera sehingga kini dan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan jumlah pegangan ekuiti di kalangan Bumiputera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks pemilikan ekuiti korporat Bumiputera, Kerajaan telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera di peringkat nasional. Tahap pencapaian pemilikan ekuiti Bumiputera berasaskan nilai tara (par value) dari tahun 2011 sehingga 2015 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
Pemilikan ekuiti Bumiputera (%)	23	18	17	17	16

*Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwil Ekonomi*

2. Menyedari sasaran bagi mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti Bumiputera yang masih rendah, dalam tempoh akhir RMKe-11, 2018-2020, Kerajaan memberi penekanan untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan Bumiputera dan institusi pelaburan Bumiputera, syarikat milik Kerajaan (SOE) serta agensi amanah Bumiputera dalam pelaburan strategik dengan pulangan yang lebih tinggi ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan.

3. Di bawah strategi ini, institusi pelaburan Bumiputera seperti EKUINAS dan VentureTECH akan terus meneroka dan melabur dalam syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berpotensi termasuk dalam sektor industri halal dengan kerjasama pihak berkepentingan yang berkaitan. Di samping itu, inisiatif untuk menggalakkan syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia akan diteruskan.

4. Selain itu, SOE yang terdiri daripada syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat berkaitan pelaburan Kerajaan (GLIC) serta badan-badan berkanun Kerajaan yang lain akan terus melabur dalam syarikat yang berkembang pesat dan tersenarai di Bursa Malaysia bagi memperolehi kawalan yang berkesan dalam syarikat berkenaan.

5. Agensi amanah Bumiputera seperti PNB akan terus melabur dalam instrumen yang dapat memberi pulangan yang tinggi serta meningkatkan pelaburan dalam aset persendirian dan global untuk menjana pulangan yang mampan dan berdaya saing kepada pemegang saham, khususnya Bumiputera. Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah ini akan dapat membantu meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam sektor korporat untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30%.

6. Sementara itu, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 telah menetapkan matlamat dan sasaran yang jelas dan boleh diukur. Sebahagian besar daripada penekanan WKB adalah untuk menangani isu jurang ekonomi yang membelenggu rakyat Malaysia. Untuk mendepani isu ini, kumpulan yang paling terkesan dengan kewujudan jurang dalam ekonomi negara

perlu dikenal pasti. WKB telah menambah baik definisi serta sasaran ekonomi sedia ada secara lebih komprehensif, dan dalam hal ini keberhasilan Bumiputera bukan hanya diukur melalui pencapaian 30% dalam pemilikan ekuiti semata-mata.

7. Di bawah WKB, pelbagai inisiatif akan dilaksanakan untuk memastikan peningkatan penyertaan Bumiputera dalam perolehan Kerajaan, khususnya kontrak-kontrak bernilai dan berimpak tinggi. Selain itu, penekanan khusus akan diberikan kepada pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk Bumiputera. Sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu memainkan peranan yang penting dan proaktif dalam menjamin kesaksamaan keberhasilan Bumiputera sejajar dengan dasar, strategi dan inisiatif yang dibangunkan di bawah WKB. Langkah ini termasuk menambah baik dasar dan amalan dalam pengambilan pekerja dan perolehan sektor swasta supaya tidak wujud sebarang bentuk diskriminasi terhadap Bumiputera. Penetapan sasaran-sasaran baharu lain akan turut diambil kira seperti sasaran keberhasilan Bumiputera dalam aspek keusahawanan; latihan dan pendidikan; akses kepada dana modal untuk perniagaan; dan penyelidikan.

8. Bagi menggembelng pelbagai usaha di bawah WKB, dasar, strategi dan inisiatif khusus sedang dirangka oleh Kerajaan dan dijadual akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada tahun hadapan. Penjajaran WKB akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

9. Kerajaan yakin bahawa WKB bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan KDNK tetapi juga memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat untuk mengecapi taraf hidup wajar atau "*decent standard of living*" pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.